

UMP tingkat kepemimpinan strategik

UTUSAN MALAYSIA (CARAM AKADEMIK) 5 OKT 2016 m/s 32

KUANTAN 4 Okt. - Seramai 40 peserta membabitkan pengurusan tertinggi Universiti Malaysia Pahang (UMP), dekan fakulti, pengarah pusat kecemerlangan dan ketua-ketua jabatan menyertai Program *Leading With Purpose and Passion Workshop* di Canselor Tun Abdul Razak, UMP Kampus Pekan baru-baru ini.

Program anjuran Bahagian Pengurusan Bakat (BPB) Jabatan Pendaftar UMP itu bertujuan menimba pengetahuan dan kemahiran membabitkan aspek kepemimpinan yang perlu dimiliki dan dipraktikkan dalam pengurusan di jabatan masing-masing.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, bidang pengetahuan dan kemahiran penting dalam pengurusan bagi merealisasikan perancangan serta hala tuju universiti yang telah ditetapkan.

"Pelaksanaan program ini selari dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 untuk menyokong Lonjakan 5 iaitu keunggulan jenama bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) memartabatkan kecemerlangan bakat melibatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melahirkan staf yang kompeten," katanya di sini.

Program itu dikendalikan Kapten (B) Shan Moorthi dari TruCAT Sdn. Bhd. yang mempunyai pen-



DR. DAING NASIR IBRAHIM (depan, lima dari kanan) bersama kepimpinan universiti dalam Program *Leading With Purpose and Passion Workshop* di Canselor Tun Abdul Razak, UMP Kampus Pekan, Pahang, baru-baru ini.

galaman selama 20 tahun dalam bidang kepemimpinan dan latihan.

Shan Moorthi berkongsi pengalaman mengenai pendekatan syarikat korporat ternama seperti Shell dalam memperkukuh organisasi mereka.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMP, Profesor Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, program sedemikian membolehkan kepimpinan universiti mendapatkan input dan kemahiran

baharu serta berkongsi idea dan pandangan mereka.

Katanya, pendekatan digunakan penceramah begitu kreatif dalam menarik perhatian peserta dengan melibatkan penggunaan alat muzik dan program itu sememangnya berbeza berbanding lain-lain program kepemimpinan.

Bagi Pendaftar universiti itu, Abd. Hamid Majid, program tersebut memperlihatkan kepentingan seorang pemimpin dan keperluan untuk kesemua bahagian sama ada kecil atau besar bekerja ber-

sama-sama dalam satu kumpulan bagi mencapai matlamat yang diinginkan.

Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Benda-lir Termaju (CARIFF), Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari pula berkata, program itu menerangkan peranan seorang ketua dalam memastikan staf di bawah seliaannya diberikan kefahaman mengenai setiap tugas mereka agar objektif yang ingin dicapai dapat dihayati dan dilaksanakan dengan baik.